

**DRAF TEKS UCAPAN  
TUAN YANG DIPERTUA  
SEMPENA  
MAJLIS PECAH TANAH  
PROJEK “CORPORATE SOCIAL RESPONSIBILITY” (CSR)  
TAMAN TUNKU, SEBERANG JAYA  
17 MAC 2012 (SABTU)**

---

Yang Berhormat **Tuan Chow Kon Yeow**  
Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang  
Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan  
& Pengurusan Lalulintas

**Ahli Majlis-Ahli Majlis**  
Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Tuan Sr Hj Rozali bin Hj Mohamud**  
Setiausaha Perbandaran MPSP

**Ketua-Ketua Jabatan**

**Mr. Teh Kiak Seung**  
Setiausaha REHDA

**Ahli-ahli SPEAD**  
(Institution Of Surveyors Malaysia, Planners, Engineers, Arkitek, Pemaju Perumahan)

**Rakan-Rakan Pemberita**

Y.Bhg. Dato' / Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

Assalamualaikum warahmatullahhiwabarakatuh  
Selamat pagi dan salam sejahtera

---

Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada YB Tuan Chow Kun Yeow kerana sudi untuk datang bersama kita pada pagi ini dan turut merasmikan Majlis Pecah Tanah Projek CSR MPSP dan SPEAD untuk Taman Tunku ini.

Ucapan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam menjayakan Majlis Pecah Tanah pada pagi yang mulia ini.

Y.Bhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan,

Majlis Pecah Tanah pada pagi ini merupakan Projek CSR yang kedua selepas Projek CSR yang pertama, yang telah dilaksanakan di Taman Tugu Demokrasi Bagan, Permatang Pauh.

Untuk makluman semua, projek CSR Taman Tunku ini telah dimulakan dengan inisiatif bersama oleh Y.B. Tuan Chow Kon Yeow sejak enam bulan yang lalu, bersama-sama dengan REHDA dan ahli-ahli komponen SPEAD yang telah bersetuju untuk mengambil Projek CSR di Taman Tunku, Seberang Jaya ini.

Terima kasih diucapkan kepada pihak REHDA dan ahli-ahli komponen SPEAD kerana mengambil Taman Tunku, Seberang Jaya untuk dilaksanakan sebagai Projek CSR. Dengan menaiktaraf taman ini akan dapat memberikan ruang untuk penduduk Seberang Perai untuk berekreasi. Justeru itu, diharapkan projek ini akan dapat memberikan kemudahan kepada semua golongan masyarakat setempat dan juga warga Seberang Perai sebagai lokasi untuk beriadah. Taman ini boleh digunakan untuk lokasi "Wedding in the park" dan canoing di Sungai Derhaka.

Cadangan Projek CSR di Taman Tunku ini akan dibangunkan dengan komponen-komponen untuk kemudahan orang ramai seperti berikut ;

- a) trek berjoging dan trek berbasikal 900 meter
- b) sebuah gazebo baru 18 kaki x 10 kaki
- c) 35 buah bangku
- d) 6 buah tiang lampu

Projek CSR ini juga akan merangkumi pembaikan dan pembinaan semula 2 buah jambatan yang sedia ada serta turut menyediakan peralatan permainan kanak-kanak. Pokok-pokok teduhan dan tanaman bunga-bungaan akan dibekalkan oleh pihak MPSP. Projek ini dianggarkan kos sebanyak RM 800,000.00. Selepas ini, hasrat MPSP untuk melihat orang

ramai menggunakan sungai untuk berekreasi seperti canoing dan sukan air. Oleh itu sama-sama kita menjaga kebersihan taman dan sungai kita.

Projek “Corporate Social Responsibility” yang berkonsepkan taman rekreasi merupakan satu medium yang disediakan oleh pihak kerajaan bersama agensi swasta atau individu sebagai platform bagi menyemarakkan budaya riadah, sukan serta aktiviti dalam komuniti yang mana secara tidak langsung dijadikan asas penting dalam interaksi sosial, hubungan dan ikatan dalam masyarakat dan yang lebih penting adalah ikatan setia antara kerajaan dan individu atau syarikat untuk bekerjasama menjayakan taman rekreasi ini. Ini selari dengan Fokus 2012 MPSP, menggalakkan Eko-Komuniti.

Kewujudan projek ini bukan sahaja bertambahnya kemudahan untuk orang ramai tetapi juga ia mengutamakan amalan beriadah untuk semua golongan masyarakat untuk menjadi masyarakat yang sihat dari segi rohani dan juga jasmani. Penyediaan prasarana ini diharapkan mampu mengurangkan masalah kurangnya lokasi sesuai yang dihadapi oleh masyarakat setempat untuk beriadah, bersukan serta melakukan aktiviti fizikal seharian.

Untuk makluman, terdapat beberapa projek CSR dalam tahap perincian konsep iaitu Bulatan Bukit Tengah, Taman Sembilang, Bukit DO. Masih banyak kawasan atau tapak-tapak CSR yang telah dikenal pasti oleh MPSP dan saya menyeru dan mengalu-alukan penyertaan orang ramai, institusi, syarikat-syarikat korporat dan lain-lain untuk menjadikan tapak ini sebagai projek angkat.

Akhir kata saya mengharapkan projek ini akan dijalankan dengan jayanya dan dapat digunakan oleh semua golongan masyarakat. Kemudahan-kemudahan yang kita sediakan ini diharapkan dapat dijaga oleh semua pengguna dan diharapkan agar tidak berlakunya aktiviti vandalisme di sini. Projek ini dijangka siap pada bulan Jun. Sekali lagi terima kasih kepada SPEAD serta pemaju iaitu Tambun Indah, IJM, New Bob, Sunway dan Air Mas Century.

Sekian, terima kasih.